

# Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9)

Kuala Lumpur dijangka terima 25,000 peserta pada 7 hingga 13 Februari 2018

"KUALA LUMPUR merupakan tuan rumah Forum Bandar Sedunia ke-9 atau World Urban Forum 9 (WUF9) yang akan berlangsung selama seminggu pada tahun hadapan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Ini adalah kali kedua di Asia selepas Nanjing, China pada 2008 menjadi tuan rumah dan sekaligus dapat menjadikan Kuala Lumpur dan Malaysia sebagai tumpuan dunia sepanjang tempoh persidangan berlangsung" menurut Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tan Sri Noh Omar.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan agensi di bawahnya iaitu URBANICE MALAYSIA (Urban Wellbeing Centre Of Excellence) yang merupakan sekretariat tempatan akan menganjurkan WUF9 yang merupakan satu forum teknikal bukan perundangan (*non-legislative technical forum*) yang diadakan oleh UN Habitat, di bandar yang berbeza setiap dua tahun. Forum ini telah menjadi salah satu acara antarabangsa utama bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran perbandaran.

Forum ini mencerminkan komitmen Malaysia kepada dunia dalam pembangunan bandar yang mampan dan sejahtera di mana profesional dari setiap sektor perbandaran merangkumi organisasi berasaskan komuniti, institusi penyelidikan dan akademik, profesional, sektor swasta, institusi pembangunan kewangan, perubahan bukan kerajaan, media di peringkat antarabangsa, nasional dan serantau serta wakil-wakil kerajaan tempatan akan berkumpul di KLCC bagi membincangkan isu-isu sejagat perbandaran" ujar Tan Sri Noh Omar.

"Penganjuran WUF9 yang bertemakan 'City 2030, City For All: Implementing the New Urban Agenda' ini dijangka menarik seramai 25,000 jumlah penyertaan dari 193 negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang terdiri daripada Ketua Negara dan Menteri. Pulangan kewangan secara tidak langsung kepada negara adalah besar melalui kemasukan peserta-peserta luar negara dan merencanakan industri perhotelan, peruncitan



Majlis pra pelancaran World Urban Forum 9 (WUF 9) oleh YAB Perdana Menteri pada 26 April 2017.



**Pulangan kewangan secara tidak langsung kepada negara adalah besar melalui kemasukan peserta-peserta luar negara dan merencanakan industri perhotelan, peruncitan dan restoran serta pengangkutan yang sekali gus meningkatkan industri pelancongan negara."** Noh Omar

kolektif pembangunan bandar yang mampan melalui perdebatan terbuka, berkongsi ilmu pengalaman dan pertukaran amalan dan dasar yang baik;

- Meningkatkan koordinasi dan kerjasama antara pihak berkepentingan yang berlainan dan kawasan berbeza ke arah kemajuan dan pelaksanaan agenda perbandaran mampan; dan
- Sebagai sebuah platform untuk menggabungkan input organisasi pelbagai pihak dan pihak berkepentingan ke dalam pelaporan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda) yang telah diterima

pakai semasa persidangan Habitat ke-III di Quito, Ecuador pada Oktober 2016.

dan restoran serta pengangkutan yang sekali gus meningkatkan industri pelancongan negara," katanya.

### Tujuan utama Forum Bandar Sedunia adalah:

- Meningkatkan kesedaran tentang perbandaran mampan di kalangan pihak berkepentingan pembangunan perbandaran, termasuk orang awam;
- Meningkatkan pengetahuan

Jangkaan kehadiran peserta ke penganjuran WUF9 ini adalah mengambilkira 'region balanced', 'gender balanced', dan 'societal balanced' yang telah mensasarkan 35% adalah peserta daripada negara asla, 35% daripada benua Eropah, Amerika, Arab, Afrika dan lain-lain serta 30% adalah peserta tempatan dalam negara.

"Pengisian program selama seminggu penganjuran WUF9 akan melibatkan lebih 500 acara yang terdiri daripada persidangan utama, perhimpunan, sesi khas, mesyuarat meja bulat, dialog, 'side events', 'networking events', 'Urban Talks', 'Urban Breakfast', pameran, lawatan teknikal, latihan dan 'gala dinner'. Selain itu terdapat 'city events' turut diadakan pada hari minggu seperti KL car free morning, WUF9 Urban Run, 'Heritage Walkabout' dan pelbagai acara lain selari juga dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada Februari 2018. Ini secara langsung menjadikan Kuala Lumpur pada ketika itu meriah," katanya.

Pada ketika ini, peralihan dan kolaborasi bersama UN Habitat sedang giat dijalankan dalam memastikan kelancaran penganjuran WUF9 dan Kerajaan Malaysia menjangkakan dapat mengacarakan siri persidangan yang ke-9 ini yang terbaik dalam sejarah penganjurannya sejak bermula pada tahun 2002 lagi. Sila layari laman web [www.wuf9.org](http://www.wuf9.org) untuk maklumat lanjut.



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS